



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 29 MEI 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

Permohonan BUDI MADANI dibuka, tawar bantuan RM200 sebulan untuk pemilik kenderaan diesel persendirian, petani kecil, pekebun kecil komoditi

Nasional 6, 7



Penyasaran subsidi diesel

Kerajaan ambil langkah cukup pastikan pelaksanaan tak jejas rakyat



Kuala Lumpur: Kerajaan mengambil langkah mencukupi bagi memastikan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel tidak memberi kesan kepada rakyat, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas kebimbangan orang ramai terhadap pengumuman berkenaan.

"Kami sudah mengambil langkah yang mencukupi dan memadai (untuk menangani kebimbangan harga barang)." Katanya ketika ditemui pemberita di luar Forum Global Ekonomi dan Kewangan Islam disini, semalam.

Sementara itu ditanya bila kerajaan akan mengapungkan bahar/api diesel mengikut harga pasaran, Anwar berkata, ia akan diumumkan nanti.

"Tunggu pengumuman (daripada kerajaan). Kemungkinan besar ia akan diumumkan oleh Menteri Kewangan II (Datuk Seri Amir Hamzah Azizan)," katanya.

Perdana Menteri menerusi Perutusan Negara minggu lalu mengumumkan Kabinet bersestuju untuk melaksanakan penyasaran subsidi diesel membabitkan pengguna di Semenanjung yang dianggarkan membawa penjimatan RM4 bilion setiap tahun kepada kerajaan.

Beliau berkata, bagi membandingkan kenaikan drastik harga barang dan perkhidmatan di Semenanjung, kerajaan akan menyediakan subsidi diesel kepada peniaga yang menggunakan kenderaan komersial bermotor diesel.

Subsidi itu membabitkan 10 jenis kenderaan pengangkutan awam dan 23 jenis kenderaan pengangkutan barang di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).

Menurut Anwar, kerajaan juga bersetuju menyediakan bantuan tunai kepada pemilik individu kenderaan diesel yang lajuk termasuk petani kecil, pensawah dan peniaga kecil.

BUDI MADANI bantu ringankan beban petani kecil

Permohonan dibuka semalam perluas bantuan tunai kepada individu, pekebun kecil komoditi

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
 bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Permohonan bagi Program Bantuan Subsidi MADANI (BUDI MADANI) untuk pemilik kenderaan diesel persendirian individu, petani kecil dan pekebun kecil komoditi dibuka mulai semalam.

Mereka yang layak akan menerima bantuan RM200 sebulan, seiring pelaksanaan penyasarhan subsidi diesel.

Kementerian Kewangan berkata, pemilik kenderaan diesel persendirian berdasarkan kriteria kelayakan tertentu boleh membuat permohonan di bawah kategori BUDI Individu manakala petani kecil dan pekebun kecil boleh memohon di bawah kategori BUDI Agri-Komoditi.

Kementerian Kewangan berkata BUDI MADANI membabitkan pemilik kenderaan diesel persendirian individu, petani kecil dan pekebun kecil komoditi.

"Pelaksanaan ini susulan keputusan Perutusan Negara Per-

dana Menteri minggu lalu berhubung keputusan Jemaah Menteri untuk melaksanakan penyasarhan subsidi diesel membabitkan pengguna di Semenanjung," katanya.

Menurut kenyataan itu lagi, bagi permohonan yang dibuat dan diluluskan sebelum 3 Jun ini, pemohon akan menerima BUDI MADANI pertama menjelang pertengahan bulan depan dan bantuan seterusnya akan disalur secara bulanan.

Permohonan yang diluluskan selepas 3 Jun, akan menerima BUDI MADANI pertama dalam tempoh dua minggu dan seterusnya secara bulanan.

BUDI MADANI akan dikreditkan ke dalam akaun bank pemohon setiap bulan manakala penerima tanpa akaun bank boleh menuntutnya secara tunai di mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional seluruh Semenanjung.

Kriteria kelayakan bagi kategori BUDI Individu ialah pemohon warganegara Malaysia, memiliki kenderaan diesel persendirian berdaftar dengan JPJ, kenderaan mempunyai cukai jalan aktif dan pendapatan tahunan individu atau pasangan RM100,000 ke bawah.

Kelayakan bagi BUDI Agri-Komoditi ialah pemohon berdaftar sebagai petani atau pekebun kecil dengan agensi berkaitan di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) atau Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK).

Pemohon adalah petani atau pekebun kecil komoditi yang aktif dengan hasil jualan pertanian tahunan antara RM50,000 dan RM300,000.

"Setiap permohonan diterima akan disemak silang dengan data di Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi mengecualikan pemilik kenderaan mewah di bawah usia 10 tahun dan individu berpendapatan tinggi (T20)," katanya.

Melengkap usaha sedia ada

Sementara itu, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, berkata program BUDI MADANI melengkap usaha sediaran ada kerajaan dalam menyasarkan subsidi diesel melalui sistem MySubsidy Diesel kendalian Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN).

"Dengan pelaksanaan BUDI MADANI, kerajaan memperluaskan bantuan tunai kepada individu dan petani serta pekebun kecil komoditi menjelang pelaksanaan penyasarhan subsidi diesel."

"Seperti yang sering ditekankan Perdana Menteri, penyasarhan subsidi diesel adalah antara langkah reformasi fiskal di bawah kerangka Ekonomi MADANI, bagi membina kemampuan kewangan Kerajaan serta Malaysia yang lebih berdaya saing," katanya.

Sementara itu, petani, penernak dan pengusaha akuakultur perlu berdaftar dengan Sistem Pendaftaran GeoAgro, KPBM un-

PROGRAM BANTUAN SUBSIDI MADANI

Penyasarhan subsidi bahan api diesel melibatkan pemilik kenderaan diesel persendirian individu, petani kecil dan pekebun kecil komoditi serta pengangkutan barang darat di Semenanjung Malaysia.



KATEGORI PENERIMA

BUDI INDIVIDU

Bantuan subsidi tunai disediakan kepada pemilik kenderaan diesel individu.



BUDI AGRI-KOMODITI

Bantuan subsidi tunai disediakan kepada golongan petani, penernak dan pekebun kecil yang layak.



MYSUBSIDY DIESEL

Inisiatif khusus untuk kenderaan awam dan pengangkutan barang darat yang layak untuk terus mendapatkan subsidi diesel melalui fleet card.



tuk mendapatkan bantuan tunai subsidi diesel melalui BUDI MADANI di bawah kategori BUDI Agri-Komoditi.

KPKM dalam kenyataan memaklumkan petani, penernak dan pengusaha akuakultur yang layak, boleh mendaftar dengan Sistem Pendaftaran GeoAgro berkenaan di pautan <https://geoagroregister.kpm.gov.my> sebelum membuat permohonan di Portal BUDI MADANI di pautan <https://budimadani.gov.my>.

Pada masa sama, subsidi dan insentif sedia ada kepada nelayan dan pesawah akan dikekalkan.

"Kerajaan akan terus memberikan subsidi diesel nelayan pada harga RM1.65 seliter kepada kategori pemilik vesel perikanan Zon A, B dan C, tertakluk kepada kuota yang ditetapkan."

"Tambahan, kerajaan juga ber-setuju menambah baik kadar sedia ada bagi insentif pembajakan

itau daripada RM100 sehektar semusim kepada RM160 sehektar semusim dan memperkenalkan insentif penuaian pada kadar RM50 sehektar semusim.

"Menerusi kenaikan kadar ini, pesawah akan menerima bayaran insentif pembajakan dan insentif penuaian sebanyak RM210 sehektar semusim," katanya.

KPKM berkata selain bantuan tunai kepada pengusaha sektor pertanian, kerajaan melalui KPDN turut membantu syarikat sektor pertanian dengan memberikan 'fleet card' diesel bersubsidi kepada kenderaan pengangkutan yang layak di bawah Sistem Kawalan Diesel Subsidi (SKDS) 2.0.

Ini termasuk lori rigid hasil pertanian dan lori rigid kandang haiwan dan permohonan perlu dibuat melalui Sistem MySubsidy Diesel di pautan <https://mysubsidy.kpdn.gov.my/>

Penyasaransubsidi diesel

Kenderaan terima fleet card tak layak dapat BUDI Individu

Golongan bukan T20 pemilik jentera diesel terima bantuan RM200 sebulan

Oleh Alzahrin Alias dan Asrol Awang
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pemilik syarikat perdagangan yang menerima *fleet card* melalui program Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) tidak layak memohon Program BUDI Individu sekiranya permohonan dibuat menggunakan maklumat pendaftaran kenderaan yang sama, demikian menurut Kementerian Kewangan.

"Namun, sekiranya pemohon memiliki kenderaan diesel persendirian, anda masih layak untuk memohon di bawah BUDI Individu, tertakluk kepada syarat kelayakan," katanya dalam lampiran soalan lazim mengenai Program BUDI Individu yang dikeluarkan oleh kementerian itu.

Kementerian Kewangan menjelaskan, *fleet card* adalah bagi kenderaan 33 jenis badan merangkumi 10 badan bagi SKDS 1.0 dan 23 badan bagi SKDS 2.0, manakala permohonan BUDI Individu ada-

lah untuk pemohon kenderaan diesel persendirian milik individu.

"Sekiranya nombor pendaftaran kenderaan berkenaan ditemui dalam rekod SKDS 1.0 atau SKDS 2.0 berdasarkan rekod agensi, anda tidak layak memohon BUDI Individu," katanya.

BUDI Individu adalah sumbangan tunai kerajaan lanjutan daripada pelaksanaan program penyasaransubsidi diesel, di bawah Program Bantuan Subsidi MADANI (BUDI MADA NI).

Kategori ini khusus untuk individu dari pada golongan bukan T20 yang memiliki kenderaan diesel di Semenanjung. Mereka yang layak akan menerima bantuan RM200 sebulan, seiring pelaksanaan penyasaransubsidi diesel.

Permohonan sepanjang tahun

Permohonan BUDI Individu dibuka sepanjang tahun mulai semalam (28 Mei 2024).

Pemohon mestilah warganegara Malaysia dengan pendapatan tahunan individu atau pasangan RM100,000 dan ke bawah berdasarkan data Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Kriteria pemilikan kenderaan adalah kenderaan kegunaan persendirian (diesel) individu, Le-

sen Kenderaan Motor (cukai jalan kenderaan) aktif, kenderaan diesel diisytiharkan di Semenanjung Malaysia dan berdaftar di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) menggunakan nombor MyKad.

Kriteria tambahan tidak layak bagi Program BUDI Individu ialah motosikal diesel, kenderaan diesel persendirian berdaftar bagi kegunaan syarikat/pertubuhan, kenderaan mewah di bawah usia 10 tahun, kenderaan berdaftar e-hailing, selain kenderaan karavan, motorhome, van persiaran, dan bas pesiaran.

Sementara itu, Kementerian Kewangan berkata, pembayaran BUDI Individu akan terhenti sekiranya Lesen Kenderaan Motor tamat tempoh.

"Pemohon digalakkan mengemukakan permohonan baharu (sekiranya belum memohon) atau mengemukakan permohonan rayuan kepada portal BUDI di <https://budimadani.gov.my>. Pembayaran akan dibuat semula apabila semakan data agensi menunjukkan Lesen Kenderaan Motor itu aktif," katanya.

Bayaran BUDI Individu hanya akan dibuat mulai bulan permohonan diluluskan. Setelah per-

mohonan dibuat, bantuan tunai akan disalurkan kepada pemohon yang diluluskan mengikut bulan permohonan diluluskan.

Kementerian Kewangan menambah, sekiranya permohonan ditolak kerana maklumat pendaftaran kenderaan di JPJ tidak selari dengan kegunaan semasa, pemohon perlu hadir ke kaunter JPJ berhampiran untuk mengemas kini maklumat berkenaan.

"Anda perlu mengemukakan rayuan dan tindakan semakan semula kelayakan dibuat selepas maklumat terkini diterima daripada pihak JPJ," katanya.

Sementara itu, di Kuantan, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN), Fuziah Salleh, meminta pemilik kenderaan diesel bagi mengangkut barang segera memohon bagi mendapatkan *fleet card* untuk terus menikmati subsidi bahan api itu.

Katanya sebaik subsidi diesel ditarik, hanya mereka yang memiliki *fleet card* itu akan terus menikmati subsidi.

"Sebab itu penting pemilik kenderaan bagi mengangkut barang untuk daftar dan jangan ketinggalan bagi membolehkan mereka menikmati subsidi sebelum subsidi itu ditarik," katanya.

Fuziah berkata, ketika ini, 23 jenis kenderaan mengangkut barang layak menerima subsidi diesel melalui Sistem Kawalan Subsidi Diesel (SKSD) 2.0.



Fuziah Salleh



MASIH KELIRU KAEDAH SUBSIDI DIESEL

■ Masih ramai pemilik kenderaan diesel persendirian, petani dan pekebun kecil komoditi mendakwa tidak jelas dengan pemilihan kelayakan untuk menerima Bantuan Subsidi Madani (Budi Madani) yang permohonannya mula dibuka semalam.

■ Mereka turut menimbulkan persoalan mengenai peranan Hab Pangkalan Data Pusat (PADU) yang dilancarkan awal tahun ini apabila sekali lagi diminta mendaftar untuk mendapatkan bantuan bulanan RM200 menerusi program yang dilaksanakan susulan penyasaran subsidi diesel.

■ Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia (PKPKM) pula menggesa kerajaan mengkaji semula syarat wajib minimum RM50,000 hasil jualan setahun kerana tidak semua pekebun kecil mampu mencapainya, sementara pakar ekonomi berpandangan jumlah bantuan perlu mengambil kira kuasa enjin (c.c) kenderaan dan jarak perjalanan pemilik kenderaan.

MUKA 2, 3 & 4

Rakyat masih keliru

Ramai belum buat permohonan Budi Individu secara dalam talian, mahu penjelasan lanjut syarat kelayakan

SHAH ALAM

Pemilik kendaraan diesel persendirian bagi individu, petani kecil dan pekebun kecil komoditi daripada golongan B40 dan M40 di Semenanjung layak memohon sumbangan tunai RM200 sebulan menerusi Program Bantuan Subsidi Madani atau Budi Madani mulai Selasa, namun ramai yang mendakwa mereka masih keliru mengenai siapa yang benar-benar layak mendapat subsidi.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati mereka turut tertanya-tanya mengapa perlu membuat permohonan baharu sedangkan mereka sudah mengisi sistem Pangkalan Data Utama (PADU) sebelum ini.

Sebahagian mereka pula meminta kerajaan mengkaji semula syarat-syarat permohonan kerana menganggap akan ramai yang tercincir bantuan disebabkan tidak menepati kriteria ditetapkan.

Seorang penduduk, Rosli Sulaiman, 45, berkata, dia keliru kerana terpaksa membuat permohonan secara dalam talian di bawah kategori Budi Individu.

Jelasnya, penduduk juga khawatir sekiranya permohonan tidak diluluskan dan menyebabkan mereka terpaksa membeli diesel tanpa subsidi pada harga jauh lebih mahal.

"Saya pun tidak tahu cara untuk



Jefri menganggap bantuan RM200 sebulan masih rendah berbanding subsidi diesel yang dinikmati sekarang.

mendaftar dan kalau boleh kita berharap kerajaan dapat perkenalkan cara manual bagi memudahkan rakyat," tambahnya.

Jefri Chula, 56, dari Klang pula berkata, jumlah RM200 masih rendah berbanding subsidi diesel yang dinikmati sekarang.

Menurutnya, langkah diumumkan kerajaan itu memberi bebanan dan tekanan kepada penduduk terutama mereka yang berpendapatan rendah.

"Saya bimbang pemansuhan subsidi diesel ini akan menyebabkan kenaikan harga barang dan ini sudah tentu keadaan ini menyusahkan rakyat," katanya kepada *Sinar Harian*.

Di **KOTA BHARU**, ramai pemilik kendaraan pacuan empat roda turut keliru dengan kaedah pemilihan penerima yang layak mendapat bantuan Budi Madani menyebabkan mereka belum mengisi borang permohonan.

Setiausaha Kumpulan Rekreasi Lacar Group 4x4 Kuala Krai, Muhammad Asrul Mohamed berkata, ramai ahli kumpulan bersetuju bantuan RM200 itu dapat membantu menampung kos harian bahan api kendaraan tetapi berharap

ada ketelusan dalam memilih mereka yang benar-benar layak.

Peniaga, Mohd Safuan Ismail, 40, pula belum membuat permohonan kerana tidak pasti kriteria untuk pacuan empat roda.

Mohd Safuan yang terlibat dengan pertubuhan bukan kerajaan turut memanfaatkan kendaraan pacuan empat roda untuk komuniti setempat.

"Sudah menjadi perkara biasa kami membantu mangsa banjir termasuk memindahkan mereka dan menghantar bantuan dengan kenderaan ini."

"Kenderaan ini tidak hanya berfungsi untuk pekerjaan tetapi penting dalam situasi tertentu," katanya.

Kementerian Kewangan menerusi kenyataan pada Isnin memaklumkan pemilik kendaraan diesel persendirian berdasarkan kriteria kelayakan tertentu, boleh membuat permohonan di bawah kategori Budi Individu, manakala petani kecil dan pekebun kecil boleh memohon di bawah kategori Budi Agri-Komoditi.

Budi Madani melengkapi program subsidi bersasar melalui MySubsidi Diesel kendalian Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.



Mohon segera kad fleet - Fuziah

Untuk kenderaan pengangkutan barang menikmati diesel subsidi

Oleh NORAWAZNI YUSOF
KUANTAN

Pemilik kenderaan pengangkutan barang diingatkan supaya memohon segera kad *fleet* bagi memastikan mereka dapat menikmati subsidi diesel selepas kerajaan melaksanakan subsidi bersasar kelak.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Fuziah Salleh berkata, kira-kira 90,000 kad *fleet* sudah dikeluarkan dan setakat ini sebanyak 23 kategori kenderaan mengangkut barang layak menerima subsidi berkenaan.

"Apabila subsidi diesel ditarik balik, mereka yang memiliki kad *fleet* boleh membeli diesel pada harga subsidi... sebab itu penting untuk memohon."

"Buat masa ini proses pendaftaran bagi mendapatkan kad *fleet* masih berterusan dan saya meminta mereka yang layak segera berbuat demikian,"

katanya pada sidang media selepas menyertai Ops Terjah di sini pada Selasa.

Menurut Fuziah, permohonan itu boleh dikemukakan secara dalam talian melalui pautan MySubsidi Diesel dan akan diselaraskan KPDN.

"Sebelum ini terdapat 14 jenis kenderaan sahaja yang mendapat manfaatnya.

"Antara jenis kenderaan yang layak menerima subsidi diesel termasuk lori rigid (*curtain sider*), lori katering makanan, lori rigid (hasil pertanian), lori tangki rigid (minuman), lori rigid (kandang haiwan), semi (panel van), dan lori rigid (kombinasi).

"Selain itu, bas perkhidmatan bergerak, lori rigid (platform terbuka), van perkhidmatan bergerak, bas katering makanan, lori rigid (perkhidmatan bergerak), van katering makanan, dan lori rigid (sampah) juga layak menerima subsidi," katanya.

Pada Isnin, Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan media memaklumkan pemilik kenderaan diesel persendirian bagi individu, petani kecil dan pekebun kecil komoditi daripada golongan B40 dan M40 di Semenanjung, layak

memohon bagi sumbangan tunai kerajaan melalui Program Bantuan Subsidi Madani atau Budi Madani, mulai Selasa.

Pemilik kenderaan diesel persendirian berdasarkan kriteria kelayakan tertentu, boleh membuat permohonan di bawah kategori Budi Individu, manakala petani kecil dan pekebun kecil boleh memohon di bawah kategori Budi Agri-Komoditi.

Kedua-duanya adalah pelengkap kepada program MySubsidi Diesel.

Mengulas mengenai Ops Terjah, Fuziah berkata KPDN bersama Jabatan Imigresen Pahang menyerbu sebuah kedai runcit dan restoran di sini selepas pihaknya menerima aduan.

Beliau berkata, antara kesalahan yang dikesan adalah kegagalan peniaga berlesen menyelenggara buku stok barang kawalan mengikut Peraturan 13 (2) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974.

"Ketirisan minyak masak paket bersubsidi dilihat turut berlaku apabila bahan masak itu dihantar ke restoran bagi tujuan perniagaan walhal ia hanya diperuntukkan untuk kegunaan isi rumah," katanya.



FUZIAH

Apung harga diesel: Anwar minta tunggu pengumuman menteri

KUALA LUMPUR - Tunggu pengumuman Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan mengenai keputusan sama ada harga diesel akan diapungkan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Tunggu pengumuman MKII (Menteri Kewangan II)," katanya ringkas kepada pemberita di sini pada Selasa.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai kemungkinan kerajaan akan mengapungkan harga diesel susulan keputusan melaksanakan rasionalisasi

subsidi bahan api itu.

Mengenai permintaan penggiat industri supaya kerajaan memperluaskan senarai penerima subsidi diesel, Anwar meminta perkara itu dirujuk kepada Menteri Pengangkutan dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup.

Mengulas kebimbangan pengusaha restoran bahawa kenaikan kos pengangkutan akan ditanggung pengguna, Perdana Menteri berkata, kerajaan sudah mengambil langkah yang secukupnya bagi menangani perkara itu.



The subsidised diesel control system is currently limited to public transport vehicles, including buses, taxis and 23 types of commercial goods vehicles. FILE PIC

DETAILS TO BE ANNOUNCED

Anwar: Adequate measures taken on targeted subsidised diesel scheme

KUALA LUMPUR: The government has taken adequate measures and considered various aspects before implementing the subsidised diesel control system, said Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"We have taken adequate measures," Anwar said yesterday after attending the Global Forum on Islamic Economics and Finance.

He added that Finance Minister II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan would provide further details on the scheme soon.

The subsidised diesel control system is currently limited to public transport, including buses, taxis and 23 types of commercial goods vehicles.

On industry players' requests for the government to broaden

the scope of the targeted subsidised diesel, Anwar said the matter could be recommended to the Transport Ministry and Domestic Trade and Cost of Living Ministry.

Federation of Malaysian Manufacturers president Tan Sri Soh Thian Lai recently said the federation, in a meeting with the Finance Ministry on April 19, had requested that the list of targeted diesel subsidy recipients be expanded to include all types of vehicles, as long as they were carrying goods for commercial purposes.

He said the list was "too limited" as companies with vehicles such as tankers carrying chemicals, construction materials and fertiliser would not be eligible for subsidised diesel.

FT Dept to act on immigrant dumping issue

LABUAN: The Federal Territories Department will focus on resolving the prolonged IMM13 issues on the duty-free island and the dumping of foreign immigrants in Kuala Lumpur.

The IMM13 is a document issued to Filipino citizens with refugee status in Sabah and Labuan.

Minister in the Prime Minister's Department (Federal Territories) Dr Zaliha Mustafa said the issues were discussed during the Federal Territories state security working committee meeting No.1/2024 in Kuala Lumpur on Monday, marking the first such meeting since 2020.

"The meeting primarily focused on various security and public order issues," she said in a statement.

Zaliha also highlighted the issue of illegal settlements by Rohingya people in Bandar Baru Sentul, which was widely shared online, and said the matter would be addressed immediately.

She also announced the establishment of a special unit, the KL Strike Force, that would operate in an integrated manner with the involvement of police, the Immigration Department, Kuala Lumpur City Hall, Domestic Trade and Cost of Living Ministry and the Customs Department.

She said the unit would address security issues, including those involving street traders, hawkers, petty traders, beggars, homeless people and other matters threatening public safety and order in the Federal Territory.

"This concerted enforcement will commence immediately in hotspot areas, including swift action on widely shared posts on social media," Zaliha said. – Bernama

Reports by ARFA YUNUS and TEH ATHIRA YUSOF

Anwar: Probe into transport contract must be transparent

KUALA LUMPUR: Any investigation into the Selangor state government's award of a contract to a company linked to Youth and Sports Minister Hannah Yeoh has to be done transparently, says Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"If there is a report, there should be an investigation and also due process. It must be treated like any other case. I have no issues with it," the Prime Minister said, adding that the authorities should be allowed to do their jobs.

"Let the relevant authorities investigate. If there is a report made, then they should be transparent in their investigation," he said when met after launching the Global Forum on Islamic Economics and Finance (GFIEF) event at Kuala Lumpur Convention Centre here yesterday.

The state government has come under fire after awarding a demand responsive transit (DRT) contract to Asia Mobility Technologies Sdn Bhd, which is helmed by Yeoh's husband.

The company was founded in 2018 by Yeoh's husband, Ramachandran Muniandy, who is its chief executive officer, and Malaysiakini founder Premesh Chandran.

Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) chief commissioner Tan Sri Azam Bakri has said there was no legal issue in the award of the contract to the company, as it



Working together:
MIFC Leadership
Council chairman Tan
Sri Azman Mokhtar
(front right)
exchanging
documents with Omar
Shaikh, director of
Islamic Finance
Council UK, during the
GFIEF event in Kuala
Lumpur. Looking on are
(from left) Amir
Hamzah, Anwar and
Treasury Secretary-
General Datuk Johan
Mahmood Merican.
— ART CHEN/The Star

was done by the state government and not by the minister or her ministry.

"There is no wrongdoing if a person receives a contract or any type of benefit from an agency or entity that is not related to them," he said.

On a separate matter, Anwar gave an assurance that measures are in place fol-

lowing the announcement of the diesel subsidy rationalisation rollout.

"We have taken adequate measures," he told reporters.

Anwar had been asked about concerns raised by food and beverage operators who wanted to know if they were eligible for the diesel subsidies, like public transporta-

tion service providers.

Last week, Anwar, who is Finance Minister, announced that the Cabinet had approved the start of a diesel subsidy rationalisation programme, which is expected to save the government around RM4bil annually.

The initiative will initially target users in Peninsular Malaysia, with 10 types of public transport vehicles – including buses and taxis – and 23 types of goods transport vehicles continuing to receive subsidies.

Asked if there had been requests to expand the scope of the subsidy programme, Anwar said such proposals can be made to the Transport Ministry and Domestic Trade and Cost of Living Ministry.

He said the mechanism of the subsidy rationalisation would be announced by Finance Minister II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

On the possibility of the diesel price being floated following the rationalisation, Anwar also said that would be announced by Amir Hamzah.

FORMORE:

See page 8



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**



WARTAWAN dapat mempengaruhi keputusan dasar-dasar kerajaan dan mengubah sikap orang awam menjadi lebih baik. - UTUSAN/SYAKIR RADIN

Wartawan semakin relevan di era media sosial

SAUDARA PENGARANG.

ADA yang berpendapat wartawan bukanlah sebuah kerjaya yang begitu relevan pada era media sosial kini. Dengan kehadiran media sosial, semua warga maya boleh menjadi seorang wartawan untuk menyebarkan sesbuah khabar atau berita pada saat ia berlaku dengan lebih cepat dan berterusan, serta dari pelbagai sudut pandang berbeza, tanpa perlu menunggu kehadiran seorang wartawan sebenar untuk melaporkannya.

Namun, peranan wartawan dianggap semakin penting dalam lanskap media yang sedang pesat berubah ini. Mereka memainkan peranan yang besar khususnya bagi bekerjasama dengan warga maya dalam proses pengumpulan maklumat tentang sesuatu kejadian.

Rakaman-rakaman percakapan saksi kejadian, foto, video serta kandungan lain yang dijana oleh pengguna media sosial dapat mereka gunakan bagi mempersiapkan laporan berita sambil menerawarkan paparan berita yang lebih komprehensif. Pendekatan kolaboratif sebegini bukan sahaja meningkatkan kualiti kewartawaran mereka tetapi juga mendemokratisasi proses pengumpulan berita dan menjadikannya lebih terbuka.

Wartawan juga boleh memantau topik-topik yang sedang sohor kini di media sosial. Wartawan juga dapat melihat sentimen orang ramai terhadap sesuatu perkara serta arah pemikiran mereka.

Ini dapat membantu wartawan untuk lebih cakna tentang sesuatu isu dan membolehkan mereka menyesuaikan laporan mereka dengan sejajarnya. Ia juga membantu wartawan dalam mengenal pasti sisi-sisi baharu kepada sesuatu kejadian yang mungkin tidak disedari oleh mereka sebelum ini.

Lebih menarik lagi, mereka boleh menggunakan platform media sosial untuk menyokong isu-isu tertentu sambil meningkatkan kesedaran awam mengenai hal-hal tersebut dan membentuk pendapat umum mengenainya.

Paling penting sekali, dalam era yang dicemari dengan penyebaran berita palsu dan maklumat salah, wartawan mesti mengambil peranan yang kritis untuk menyemak fakta dan memberikan respon kepada maklumat yang tidak tepat.

Ini pastilah tidak dapat dilakukan oleh mana-mana aplikasi media sosial atau kecerdasan buatan (AI). Platform media sosial pada hari ini adalah ibarat sebuah medan pertempuran untuk maklumat yang tepat dan wartawan mesti menggunakan ruang ini untuk menangani dan membentulkan ketidaktepatan maklumat dengan cepat.

Wartawan perlulah memberikan konteks sebenar kepada sesuatu maklumat yang disebarluaskan. Dengan akses dan kredibiliti yang mereka ada, wartawan juga boleh mendapatkan respon tentang letak-duduk sesuatu isu secara terus daripada pihak-pihak berkaitan yang mungkin tidak dapat dijangkau oleh warga maya.

Pada masa sama, mereka juga mesti terus bersifat objektif dan menampilkan laporan yang berimbang. Kewaspadaan sebegini amatlah dibanggai dalam membantu untuk mengekalkan integriti sesbuah maklumat di ruang awam. Ia juga dapat mengurangkan kegusaran orang ramai sambil mengurangkan ketegangan sesuatu isu yang bersifat sensitif.

Benar, era media sosial mungkin telah mengubah cara kerja seseorang wartawan dan bagaimana khalayak memandang mereka. Namun, peranan mereka tidak pernah berubah. Malah, ia menjadi lebih kritis dan berimpak.

Diharapkan para wartawan dapat menyesuaikan diri mereka dan memanfaatkan kuasa media sosial untuk menjadikan dunia lebih baik dan warganya lebih pintar dan bermaklumat. Selamat Hari Wartawan Nasional diucapkan untuk semua wartawan di Malaysia.

MOHAMAD SYAFIQ YA SHAK

Pensyarah Kanan,
Akademi Pengajian Bahasa
UITM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 29 MEI 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
29-May	'Mohon segera fleet card sebelum subsidi diesel ditarik'	https://www.malaysiakini.com/news/706921	MALAYSIA KINI
29-May	Checks on foreign-run sundry shops	https://www.dailyexpress.com.my/news/235099/checks-on-foreign-run-sundry-shops/	DAILY EXPRESS
29-May	Apung harga diesel? Tunggu pengumuman, kata PM	https://malaysiagazette.com/2024/05/28/apung-harga-diesel-tunggu-pengumuman-kata-pm/	MALAYSIA GAZETTE
29-May	BANTUAN TUNAI SUBSIDI DIESEL: PENGUSAHA SEKTOR PERTANIAN PERLU BERDAFTAR DENGAN GEOAGRO	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2302005	BERNAMA
29-May	Pemilik kenderaan perlu mohon Budi Madani untuk layak dapatkan subsidi diesel	https://malaysia-tribune.news/2024/05/28/pemilik-kenderaan-perlu-mohon-budi-madani-untuk-layak-dapatkan-subsidi-diesel	MALAYSIA TRIBUNE
29-May	Budi Madani: Pengusaha sektor pertanian perlu daftar Sistem GeoAgro	https://malaysia-tribune.news/2024/05/28/budi-madani-pengusaha-sektor-pertanian-perlu-daftar-sistem-geoagro/	MALAYSIA TRIBUNE
29-May	'Isu pelarian di Labuan, warga asing di Kuala Lumpur akan diselesaikan'	https://www.suarakeadilan.my/post/isu-pelarian-di-labuan-warga-asing-di-kuala-lumpur-akan-diselesaikan	SUARA KEADILAN
29-May	JWP FOKUS SELESAI ISU IMM13 DI LABUAN DAN WARGA ASING DI KL	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2302021	BERNAMA
29-May	Mohon segera 'fleet card' - Fuziah	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/05/1095124/mohon-segera-fleet-card-fuziah	HARIAN METRO
29-May	Mohon segera kad fleet – Fuziah	https://www.buletintv3.my/nasional/mohon-segera-kad-fleet-fuziah/	BULETIN TV3
29-May	MOHON SEGERA KAD KAD FLEET - FUZIAH	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2302276	BERNAMA

29-May	Mohon segera kad fleet - Fuziah	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mohon-segera-kad-fleet-fuziah-472551	ASTRO AWANI
29-May	Pemilik kenderaan pengangkutan barang diingatkan mohon segera kad fleet bagi subsidi diesel bersasar	https://suarasarawak.my/pemilik-kenderaan-pengangkutan-barang-diingatkan-mohon-segera-kad-fleet-bagi-subsidi-diesel-bersasar/	SUARA SARAWAK
29-May	Hanya pemilik fleet card boleh menikmati SKSD 2.0 – Fuziah	https://malaysiagazette.com/2024/05/28/hanya-pemilik-fleet-card-boleh-menikmati-sksd-2-0-fuziah/	MALAYSIA GAZETTE
29-May	Segea mohon 'fleet card' untuk terus nikmati harga diesel subsidi- Fuziah	https://berita.rtm.gov.my/nasional/sejarai-berita-nasional/sejarai-artikel/segera-mohn-fleet-card-untuk-terus-nikmati-harga-diesel-subsidi	BERITA RTM
29-May	KPDN kesan pemilik kedai runcit bekal minyak paket bersubsidi ke restoran sendiri	https://malaysiagazette.com/2024/05/28/kpdn-kesan-pemilik-kedai-runcit-bekal-minyak-paket-bersubsidi-ke-restoran-sendiri/	MALAYSIA GAZETTE
29-May	Peniaga dikesan guna minyak masak peket untuk restoran	https://www.sinarharian.com.my/article/667146/berita/semasa/peniaga-dikesan-guna-minyak-masak-peket-untuk-restoran	SINAR HARIAN
29-May	Peniaga gagal selenggara buku stok dikenakan tindakan	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/05/peniaga-gagal-selenggara-buku-stok-dikenakan-tindakan/	UTUSAN MALAYSIA
29-May	Program Budi Madani lindungi golongan terkesan kata pakar ekonomi	https://www.dagangnews.com/article/program-budi-madani-lindungi-golongan-terkesan-kata-pakar-ekonomi-37649	DAGANG NEWS
29-May	Program Budi Madani langkah proaktif bantu ringan beban rakyat	https://www.sinarharian.com.my/article/667141/bisnes/program-budi-madani-langkah-proaktif-bantu-ringan-beban-rakyat	SINAR HARIAN
29-May	Lapan barang disenarai bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Gawai 2024 bagi tempoh 29 Mei-4 Jun	https://suarasarawak.my/lapan-barangan-disenarai-bawah-skim-harga-maksimum-musim-perayaan-hari-gawai-2024-bagi-tempoh-29-mej-4-jun/#google_vignette	SUARA SARAWAK